

23 MAR 1997

Mahathir-Nuri

SIASATAN SEBELUM MASA DEPAN NURI DITENTUKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata siasatan rapi perlu dijalankan terhadap nahas dua helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terhempas di Sabah Selesa lepas sebelum sebarang keputusan diambil untuk menghentikan penggunaannya.

Perdana Menteri berkata memandangkan bahawa kejadian itu melibatkan dua helikopter Nuri yang terhempas serentak, siasatan terperinci perlu dibuat untuk memastikan sama ada punca nahas itu kerana faktor manusia atau kerosakan mekanikal.

"Kabus agak tebal pada waktu itu...mungkin kerana ada pelanggaran antara mereka. Kita kena tahu (sama ada ia disebabkan oleh) kegagalan mekanikal atau atau kesilapan manusia," kata beliau kepada pemberita sekembalinya dari Arab Saudi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang hari ini.

Sebelas anggota TUDM dalam dua helikopter itu terkorban dalam kemalangan di kawasan pergunungan daerah Sipitang, selatan Sabah.

Dengan menceritakan pengalaman beliau sendiri ketika menaiki helikopter Nuri 20 di Taman Negara di Pahang baru-baru ini, Perdana Menteri berkata helikopter 20 berkenaan masih boleh digunakan lagi.

"Ya, kita masih guna Nuri. Saya sendiri guna Nuri yang ada lambang TUDM untuk pergi ke Taman Negara dan balik dan saya dapati penerbangan tidak ada apa-apa," kata beliau ketika ditanya sama ada helikopter berkenaan boleh digunakan lagi selepas kejadian terbaru di Sabah itu.

Semalam, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata kementerian itu belum bercadang menghentikan penggunaan helikopter Nuri, sebaliknya akan meningkatkan jangka hayatnya bagi tempoh 15 tahun lagi.

Menurut Syed Hamid, langkah mempertingkatkan 30 helikopter Nuri yang kini dalam perkhidmatan berusia di antara 22 dan 30 tahun itu akan memberikan keupayaan baru kepada pesawat itu yang boleh membantu mengurangkan risiko kemalangan.

Dr Mahathir berkata jika punca nahas helikopter di Sabah itu adalah kerana pelanggaran, maka masalah pesawat berkenaan bukan kerana mekanikal tetapi mungkin kesilapan manusia.

"Sebab itu kita kena buat penyelidikan kenapa dua helikopter secara serentak jatuh," kata beliau.

Dr Mahathir menggangap kejadian itu menyedihkan kerana ia melibatkan anggota 20 TUDM yang masih muda dan mereka merupakan harapan negara.

Perdana Menteri turut mengucapkan takziah kepada keluarga anggota yang terkorban. --BERNAMA

ES MAI